

**AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH  
PERSEKUTUAN 1982  
(AKTA 267)**


**PENGECUALIAN DI BAWAH KAE DAH 14  
KAE DAH-KAE DAH RANCHANGAN (PEMBANGUNAN) 1970**

**P.U.(B) 397/1996**

---

**SENARAI PINDAAN :**

<b>BIL.</b>	<b>NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)</b>	<b>TARIKH DIWARTAKAN</b>	<b>CATITAN</b>
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			



MALAYSIA

**Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 40  
No. 19

**12hb September 1996**

*TAMBAHAN No. 55  
PERUNDANGAN (B)*

---

**P.U. (B) 397.**

**AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982**

**KAEDAH-KAEDAH RANCANGAN (PEMBANGUNAN) 1970**

**PENGECUALIAN DI BAWAH KAEDAH 14**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh kaedah 14 Kaedah-Kaedah Rancangan (Pembangunan) 1970, Datuk Bandar Kuala Lumpur *P.U. (A) 771.* dengan kelulusan Menteri mengecualikan permohonan untuk kebenaran rancangan bagi pembangunan yang berikut daripada kuatkuasa peruntukan subkaedah 5(3), 5(4), 5(5), 5(6), 5(7), 5(8) dan 5(9):

- (a) institusi yang diuruskan oleh Kerajaan atau agensi Kerajaan atau mana-mana badan kebajikan berdaftar, termasuk rumah kebajikan, rumah persatuan, rumah ibadat, asrama dan bangunan rekreasi;
- (b) bangunan tadika dan taska yang dikendalikan oleh individu;
- (c) pertukaran sementara kegunaan bangunan yang tidak melibatkan pertukaran zon guna tanah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
  - (i) luas lantai bangunan tidaklah melebihi 5,000 kaki persegi;
  - (ii) adanya ruang lapang yang mencukupi bagi 5 tempat letak kereta;
  - (iii) apa-apa tambahan hendaklah mematuhi kehendak anjakan dan tidak mencerobohi rizab jalan;

- (d) pembangunan kediaman di kawasan Rizab MAS Kampung Bharu dengan syarat bahawa ketumpatan yang dicadangkan tidaklah melebihi 400 orang seekar;
- (e) pembangunan kediaman di kawasan Rizab Melayu Kampung Datuk Keramat dengan syarat bahawa ketumpatan yang dicadangkan tidaklah melebihi 200 orang seekar.

Mula berkuatkuasa,  
1. Pengecualian ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 16 Ogos 1994.

Dibuat pada 26 Jun 1996.  
[JHEU<sup>2</sup>/14/86; PN. (PU<sup>2</sup>) 396/II.]

TAN SRI DATO' KAMARUZZAMAN BIN SHARIFF,  
*Datuk Bandar Kuala Lumpur*

Diluluskan pada 15 Julai 1996.

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,  
*Perdana Menteri*

#### FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982

#### PLANNING (DEVELOPMENT) RULES 1970

#### EXEMPTION UNDER RULE 14

P.U. (A) 7/71.

IN exercise of the powers conferred by rule 14 of the Planning (Development) Rules 1970, the Datuk Bandar Kuala Lumpur with the approval of the Minister exempts application for planning permission for the following developments from the operation of the provisions of subrules 5(3), 5(4), 5(5), 5(6), 5(7), 5(8) and 5(9):

- (a) institutions managed by the Government or Government agencies or any registered welfare body, including welfare homes, houses for association, houses for worship, hostels and recreational buildings;
- (b) buildings for kindergarten and nursery operated by an individual;
- (c) temporary change of use of building which does not involve change of land use zoning subject to the following conditions:
  - (i) the floor area of the building shall not exceed 5,000 square feet;
  - (ii) there is adequate open space for 5 parking lots;
  - (iii) any addition shall comply with the setback requirements and shall not encroach into the road reserve.
- (d) residential development within the Kampung Bharu MAS Reserve area provided that the proposed density shall not exceed 400 persons per acre;

(e) residential development within the Kampung Datuk Keramat Malay Reserve area provided that the proposed density shall not exceed 200 persons per acre.

1. This exemption shall be deemed to have come into force on ~~commencement~~  
16 August 1994.

Made 26 June 1996.  
[JHEU<sup>2</sup>/14/86; PN. (PU<sup>2</sup>) 396/II.]

TAN SRI DATO' KAMARUZZAMAN BIN SHARIFF,  
*Datuk Bandar Kuala Lumpur*

Approved 15 July 1996.

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,  
*Prime Minister*